

23/05/2004

Dr M setuju ahli tentukan naib presiden

KUALA LUMPUR: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan kenyataan Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menyerahkan kepada ahli pada peringkat akar umbi sama ada mereka mahu semua tiga jawatan naib presiden tidak ditandingi pada pemilihan di Perhimpunan Agung parti, September depan.

"Jika mereka merasakan tidak perlu dipertandingkan, itu keputusan mereka, bukan saya," katanya pada sidang media selepas melawat Planetarium Negara di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Abdullah yang menyerahkan kepada ahli Umno untuk menentukan sama ada tiga jawatan Naib Presiden tidak ditandingi pada pemilihan di Perhimpunan Agung parti, September ini.

Abdullah berkata, pucuk pimpinan tertinggi akan akur jika itulah yang dikehendaki Umno peringkat bahagian kerana `suara akar umbi' itu juga boleh diterjemahkan kepada amalan demokrasi dalam parti.

Sebelum itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob berkata sudah ada bahagian yang mencadangkan supaya jawatan Naib Presiden tidak dipertandingkan, selain Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti kali ini.

Khalil berkata, ada bahagian yang mencadangkan dalam mesyuarat peringkat bahagian supaya hanya tiga nama dicalonkan untuk jawatan Naib Presiden iaitu dua penyandang sekarang dan seorang lagi dipilih berdasarkan hiraki ahli Majlis Tertinggi (MT), supaya tidak perlu ada pertandingan.

Dua penyandang sekarang ialah Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, manakala berdasarkan hiraki MT, Datuk Wira Mohd Ali Rustam mendapat undi paling tinggi pada pemilihan 2000 dengan 1,647 undi.

(END)